



Antara peserta seminar yang hadir pada Program Nadwah Serantau Bahasa dan Kesusasteraan Arab Ketiga, Penterjemahan sebagai Wahana Ilmu di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.
[FOTO: NASHAIRI MOHD NAWL./BERITA HARIAN]

Terjemahan kembang ilmu

“
Ia berpunca daripada keinginan bangsa Melayu untuk memahami Islam dan syariat agama kerana karya asal adalah dalam bahasa Arab dan tidak mungkin semua penduduk rantau Melayu berupaya menguasai bahasa Arab kecuali sejumlah kecil yang dihantar ke rantau Arab”

Dr Pabiah Hajimaming
Pensyarah Jabatan Bahasa Asing UPM

» *Pemikiran, kebudayaan dan kemahuan intelektual dapat dikongsi*

Oleh Nazmi Yaakub
nazmi@bharian.com.my

Terjemahan tidak hanya membabitkan pemindahan perkataan antara dua bahasa, bahkan turut membawa pemikiran, kebudayaan dan kemajuan intelektual ke dalam bahasa sasaran, lalu menguntungkan

kedua-dua bahasa.

Perkara ini yang berlaku dalam penterjemahan karya bahasa Arab ke Melayu dan lalu lintas keilmuan itulah yang mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, manakala tamadun Melayu pula menghirup nafas daripada keunggulan tamadun Islam di Asia Barat.

Proses itu tidak berhenti dengan kedatangan penjajahan dan kemerdekaan tanah air, sebaliknya berkesinambungan sehingga masa kini, meskipun ia lebih bertumpu kepada pendidikan Islam dan bahasa.

Pensyarah Jabatan Bahasa Asing, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Pabiah Hajimaming berkata, gerakan penterjemahan di alam Melayu bermula seawal kedatangan Islam ke kepulauan Melayu.

“Ia berpunca daripada keinginan bangsa Melayu untuk mema-

hami Islam dan syariat agama kerana karya asal adalah dalam bahasa Arab dan tidak mungkin semua penduduk rantau Melayu berupaya menguasai bahasa Arab kecuali sejumlah kecil yang dihantar ke rantau Arab.

“Daripada keadaan inilah, penterjemahan memainkan peranan penting dalam menambah khazanah kepustakaan Melayu dengan karya terjemahan yang dikehendaki,” katanya ketika merincikan *Persoalan Bahasa dan Kebudayaan dalam Novel Terjemahan Lorong Midaq*, pada Nadwah Bahasa dan Kesusasteraan Arab Ketiga di Fakulti Kejuruteraan UPM, Serdang, baru-baru ini

Dr Pabiah berkata, gerakan penterjemahan lebih bertumpu kepada kitab agama yang sebenarnya turut berpunca daripada sikap bangsa Melayu mementingkan usaha mendalami agama. “Bagaimanapun, ia perlu diper-

luaskan kepada bidang yang lain termasuk kesusasteraan yang sebenarnya turut memainkan peranan dalam pembinaan dan pembaikan masyarakat.

“Banyak bahan kesusasteraan berbahasa Arab yang wajar diterjemah ke bahasa Melayu yang tinggi nilai dan manfaatnya,” katanya pada nadwah bertema Penterjemahan Sebagai Wahana Ilmu.

Beliau berkata, penterjemahan tidak hanya memindahkan perkataan dan keindahan, bahkan turut membawa bersama-samanya kemajuan, kebudayaan, pemikiran dan bahasa.

“Penterjemah tidak hanya memindahkan setiap perkataan ke bahasa sasaran, sebaliknya memindahkan kaedah bahasa yang berhubung dengan maklumat dan maklumat itu sendiri, selain turut membawa pemikiran pengarang asal, kebudayaan dan gayanya.